



**HEXTAR HEALTHCARE BERHAD  
199601000297 (372642-U)**

**DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

Hextar Healthcare Berhad ("Hexcare" atau "Kumpulan") terlibat dalam pengeluaran dan penjualan sarung tangan untuk kegunaan isi rumah, industri, dan sarung tangan sekali pakai. Kami komited untuk menyediakan keadaan kerja yang selamat dan sihat untuk mencegah daripada kecederaan dan penyakit yang berkaitan dengan kerja dan pendedahan kepada bahaya di tempat kerja kami demi melindungi pekerja, pelawat, kontraktor, dan mana-mana individu yang terlibat dengan operasi Hexcare.

Komitmen kami termasuk:

- Memenuhi semua undang-undang, peraturan dan piawaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berkenaan, termasuk pematuhan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 serta keperluan audit social pelanggan;
- Menwujudkan dan melaksanakan prosedur kerja yang selamat yang menyeluruh, pelan tindak balas kecemasan, serta protokol keselamatan yang disemak secara berkala bagi memastikan keberkesanan dan mengurangkan risiko operasi;
- Memastikan keselamatan dan kesihatan mana-mana kontraktor, penyedia perkhidmatan atau pihak ketiga yang diambil oleh pihak pengurusan semasa bekerja melalui taklimat keselamatan, pemantauan serta penguatkuasaan keperluan keselamatan khusus di tapak; Pengadaan dan penyenggaraan loji, jentera, peralatan dan sistem kerja yang, setakat yang praktik, selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan disokong oleh pemeriksaan rutin dan jadual penyelenggaraan pencegahan;
- Membuat perancangan bagi peruntukan masa yang mencukupi, kakitangan terlatih, bajet dan sumber lain bagi menjamin, setakat yang boleh diperlakukan, keselamatan dan kesihatan dan kebijakan pekerja serta pelawat;
- Menetapkan objektif keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang jelas dan boleh diukur untuk memantau petunjuk prestasi, menjalankan audit dan semakan, serta menambah baik Sistem Pengurusan KKP secara berterusan selaras dengan ISO 45001:2028 dan keperluan perundangan;;

- Menyediakan maklumat, arahan, latihan, penyeliaan dan kesedaran yang relevan dan terkini kepada pekerja, kontraktor dan pelawat untuk meningkatkan budaya keselamatan dan kesihatan secara keseluruhan;
- Melaksanakan penilaian risiko dan aktiviti pengenalpastian bahaya secara berkala dan sistematik untuk menilai risiko keselamatan dan kesihatan yang terdedah kepada pekerja di tempat kerja mereka serta melaksanakan kawalan yang sesuai selaras dengan hierarki kawalan;
- Melaksanakan pengenalpastian, penilaian dan kawalan secara proaktif terhadap bahaya di tempat kerja seperti risiko fizikal, elektrik, kimia, biologi, ergonomik dan psikososial melalui HIRARC (Pengenalpastian Bahaya, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko), audit keselamatan, pemeriksaan serta pelaporan oleh pekerja. Seorang pekerja yang dengan wajar percaya terdapat bahaya segera di tempat kerja mempunyai hak untuk mengeluarkan diri daripada bahaya tersebut selepas memaklumkan kepada penyelia atau wakilnya. Sekiranya majikan tidak mengambil tindakan, pekerja tersebut tidak boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana menarik diri. Bahaya segera merujuk kepada risiko serius kematian atau kecederaan parah akibat daripada peralatan, bahan, aktiviti, proses, amalan, atau persekitaran kerja yang tidak selamat.
- Mengekalkan dan menguji secara berkala prosedur kesiapsiagaan kecemasan, seperti latihan kebakaran, tindak balas tumpahan bahan kimia, kesiapsiagaan pertolongan cemas, dan pelan pemindahan, yang disesuaikan dengan bahaya khusus tapak dan keperluan operasi;
- Penambahbaikan berterusan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan selaras dengan ISO45001:2018, melalui pelaksanaan audit dalaman, penyiasatan insiden, dan semakan pengurusan bagi memastikan keberkesanan sistem serta pematuhan undang-undang; dan
- Menggalakkan perundingan dan penyertaan pekerja dan wakil pekerja kami dalam perkara berkaitan keselamatan dan kesihatan tempat kerja melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang ditubuhkan, mekanisme maklum balas, dan saluran komunikasi yang telus, selaras dengan ISO 45001 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022.